



Inti pati Manifesto BN 2018 dilancarkan Perdana Menteri

Rancangan besar Hebatkan Negaraku

Utama Ibu dan Wanita

- 1 Menubuhkan Majlis Ekonomi Wanita (MEW) yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk menentukan hala tuju dan pembangunan agenda ekonomi wanita diberi perhatian khusus.
- Memudahkan cara proses pemerolehan pinjaman golongan wanita tunggal dengan memberi kebenaran menggabungkan pendapatan dengan adik-beradik atau ibu bapa yang layak.
- Menggalakkan wanita menjana pendapatan kedua dengan memudahkan syarat pinjaman mikro kredit untuk usahawan wanita yang menjalankan perniagaan separuh masa.



Kediaman 1Negaraku

- 2 Menubuhkan sebuah bank khusus untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan mampu milik dan perumahan kos rendah berharga RM300,000 ke bawah.
- Menyediakan insentif cukai atau dana pembangunan bagi menggalakkan bank dan pemaju perumahan untuk menawarkan skim 'sewa-untuk-beli'.
- Menyediakan Skim Bantuan Sewa Perumahan Awam bagi membantu penyewa dalam kategori miskin dan orang kelainan upaya.



3 Juta Kerja

- 3 Mempercepatkan pembangunan Malaysia Vision Valley yang bakal mewujudkan 1.3 juta peluang pekerjaan.
- Mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan dalam keusahawanan sosial melalui dana khas daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



Senyum Sabah dan Sarawak

- 4 Menyediakan peruntukan khas untuk usahawan-usahawan Sabah dan Sarawak dalam inisiatif *carve-out and compete* melalui Dana Pembangunan Nasional.
- Memansuhkan label harga barang mengikut kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak ke arah Satu Negara Satu Harga.
- Hak-hak Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 akan direalisasikan secara konsensus.



Pengangkutan Futuristik

- 5 Memperkenalkan Pas Pengangkutan Awam TN50 berharga antara RM50 hingga RM150 yang memberi akses perjalanan tanpa had sebulan untuk pelajar, belia bekerja, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU).
- Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan Lapangan Terbang Sandakan yang



KULIT buku Manifesto BN untuk menghadapi PRU-14 yang dilancarkan Najib malam tadi.

membabitkan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion.

- Membina Lapangan Terbang Mukah dan Lawas membabitkan peruntukan sebanyak RM758 juta.
- Membina Sistem Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura dan membina Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

Perkasa Digital

- 6 Mewujudkan sejuta usahawan digital dalam tempoh lima tahun.
- Memperkasa ketelusan dengan memperkenalkan mekanisme petyisyen awam untuk setiap isu mustahak. Mana-mana petyisyen online yang menerima lebih 30,000 sokongan akan mendapat maklum balas daripada kerajaan.
- Menuju ke arah kerajaan digital melalui penambahan aplikasi atas talian demi meningkatkan tahap kecekapan, membasmi rasuah dan meminimumkan ketirisan dalam perkhidmatan awam.



Barangan Malaysia

- 7 Menjihadkan Ekonomi Halal sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara dengan peruntukan RM1 bilion melalui Dana Pembangunan Halal.
- Memastikan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia di mana bumiputera menjadi penggerak utama industri
- Menangani kemiskinan bandar melalui pembangunan pusat niaga usahawan kecil, pusat jaga trak makanan dan pertanian bandar.

BRIM Lebih Baharu

- 8 Bantuan sekali beri sebanyak RM1,500 untuk anak-anak penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) yang mendaftar di pusat pengajian tinggi.



MANIFEST BARISAN NASIONAL

BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU



- Pemberian BR1M bagi isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah pemberian pada Jun dan Ogos akan digandakan dari RM400 ke RM800
- Bantuan sekali beri sebanyak RM1,500 untuk anak-anak penerima BRIM yang mendaftar di pusat pengajian tinggi.

Dompot Rakyat

- 9 Meningkatkan gaji minimum pekerja secara berperingkat kepada sekurang-kurangnya RM1,500 dalam tempoh lima tahun.
- Menubuhkan Fair Works Commission untuk menentukan paras gaji pekerja-pekerja sektor swasta agar lebih setimpal.



Pendidikan Sesuai Masa Depan

- 10 Lima juta pelajar sekolah akan dilengkapi dengan kemahiran digital Revolusi Industri 4.0 dalam masa lima tahun.
- Memadankan pelajar universiti dan bakal majikan di peringkat lebih awal melalui Jawatankuasa Pemadanan Pekerjaan di bawah program SLIM 2.0.



Hidup Sihat

- 11 Mempertingkatkan perkhidmatan kesihatan luar bandar melalui Klinik 1Malaysia
- Membina lebih banyak poliklinik di kem tentera bagi anggota ATM
- Membina Hospital Veteran ATM pertama di Malaysia di Ipoh untuk lebih 300,000 veteran tentera.
- Meneruskan subsidi bil elektrik bulanan kepada lebih sejuta pengguna.
- Merealisasikan pengedaran minyak diesel Euro 5 di seluruh negara dalam tempoh



lima tahun lagi ke arah penggunaan bahan bakar yang lebih bersih.

- Memperkenalkan undang-undang air melalui pengaplikasian Sistem Pengurusan Pusat Bersepadu Kebangsaan demi menjamin akses air bersih untuk rakyat.

Aman 1Negaraku

- 12 Menambah jumlah kamera litar tertutup definisi tinggi di semua kawasan kerap berlaku jenayah.
- Menambah jumlah Pakaian Cop dan polis bantuan terlatih dalam kejaran.
- Menambah pos kawalan dan sistem pemantauan di sepanjang sempadan Malaysia bagi mencegah kegiatan penyeludupan, pemerdagangan manusia dan ancaman penganasan.
- Meningkatkan kemampuan kuasa peneriataan pasukan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (Esszone).
- Mempertingkatkan kawalan keselamatan sempadan darat di Sabah dan Sarawak menerusi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) dan Aksemnet.



TN50

- 13 Memperluas peluang pekerjaan bagi warga OKU dengan mewujudkan sebuah portal sehati khas di mana perkhidmatan-perkhidmatan mereka boleh dipasarkan secara online.
- Menambah keanggotaan warga OKU dalam pelbagai sektor termasuk menjadi ahli malis pihak berkuasa tempatan dan Ahli Dewan Negara.
- Menambah insentif cukai kepada syarikat yang mengambil OKU sebagai pekerja.

Penjagaan Kanak-Kanak Universal

- 14 Melaksanakan polisi Penjagaan Awal Kanak-Kanak Universal dengan memformulasikan kurikulum, program inklusif, pemakanan bernutrisi dan melatih tenaga pengasuh profesional.
- Mengangkat status nutrisi kanak-kanak berusia enam bulan hingga enam tahun dalam kalangan keluarga miskin tegar.
- Meningkatkan jumlah pemberian unit amanah percuma ADAM50 untuk membantu ibu bapa muda menjamin masa depan yang cerah untuk kelahiran baharu.



INFO Cara memperoleh salinan manifesto BN

- Kunjungi mana-mana Bilik Gerakan BN di seluruh negara mulai hari ini
- Boleh dimuat turun di www.bansannasional.org.my/ www.therakyat.com/ www.najibrazak.com
- Untuk maklumat lanjut, hubungi Bilik Gerakan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur di talian 03-4042 9511